

# **SEJARAH SEKOLAH AL-ALAWIYAH ADDINIYAH ARAU**

Oleh: RAMLI ISMAIL

Penubuhan Al-Madrasah Al-Alawiyah Addiniyah Arau mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Ia lahir hasil kesedaran pemimpin masyarakat Islam di Perlis awal tahun tiga puluhan dahulu. Pembinaannya adalah daripada wang kutipan zakat di Negeri Perlis.

Sebelum itu, tidak ada tempat untuk umat Islam di negeri ini belajar agama, melainkan daripada guru-guru agama di kampung-kampung. Guru-guru agama kampung tersebut hanya mengajar mengenai hukum-hukum fiqah, tauhid dan membaca al-Quran.

Mereka yang belajar daripada guru-guru agama berkenaan, hanya mampu menyiapkan diri mereka untuk bekalan ke akhirat. Mereka tidak menerima sebarang sijil dan seumpamanya sebagai bukti pernah mengikut pengajian dan boleh menjadi guru agama.

Guru-guru agama kampung pula ketika itu, mengajar orang-orang kampung mengeluarkan zakat, terutama zakat padi kepada mereka. Secara tidak langsung merekalah yang menjadi kaya, apabila datang sahaja musim menuai, menerima padi zakat berkunca-kunca.

Pada masa itulah, muncul beberapa orang pemimpin Islam tempatan yang sedar tentang kelemahan sistem tersebut. Di antara mereka termasuk Allahyarham Datuk Haji Wan Ahmad Wan Daud, Allahyarham Sheikh Abu Bakar dan Allahyarham Datuk Mat Hakim.

Mereka ini telah menyarankan sebuah Tabung Zakat dan Fitrah negeri diwujudkan. Setiap pemberian zakat dan fitrah oleh orang-orang Islam di Perlis mesti diberi kepada tabung tersebut, tidak lagi kepada guru-guru agama di kampung-kampung, yang selama ini menggunakan pemberian zakat itu bagi kepentingan peribadi.

Ada diantara guru-guru agama kampung yang bersetuju tentang pengubahsuaian kutipan zakat tersebut, tetapi ramai juga yang menentang, kerana memikirkan mereka sudah tidak ada peluang lagi untuk membuat kutipan.

Sekumpulan guru-guru agama yang menentang telah berkumpul di satu tempat di Utan Aji untuk menunjukkan sikap menentang mereka. Beberapa orang enggan bersurai, kemudiannya ditahan oleh pihak polis ketika itu.

Bagaimana pun, selepas itu baru disedari bagaimana besarnya faedah hasil penubuhan Tabung Zakat dan Fitrah Negeri tersebut. Dari wang terkumpul itu, telah dibelanjakan untuk berbagai kepentingan umat Islam tempatan.

Perbelanjaan paling berkesan hasil wang zakat tersebut ialah pembinaan bangunan Al-Madrasah Al-Alawiyah Addiniyah Arau, kira-kira sebelas kilometer daripada bandar Kangar. Bangunan la itu masih wujud dan dapat dilihat hingga sekarang.

Sekolah Arab Alawiyah Arau itu didirikan pada tahun 1936, semasa Negeri Perlis diperintah oleh Almarhum Raja Syed Alwi. Penubuhannya bertujuan untuk memberi didikan agama Islam dan Bahasa Arab pada masyarakat Islam tempatan.

Di samping membuka peluang seluas-luasnya kepada anak-anak Islam Perlis, sekolah itu juga membuka sepuluh peratus peluang kepada anak-anak Islam dari luar Perlis. Ada diantara mereka datang daripada Negeri Sembilan, Perak, Seberang Perai dan daripada wilayah-wilayah di Selatan Thailand termasuk Setul dan Pattani.

Pada mulanya sekolah tersebut ditempatkan di bangunan sementara yang disewa di sebuah rumah, Jalan Pauh, Arau. Selepas itu, Penghulu Arau ketika itu, Allahyarham telah membenarkan rumahnya di No. 2, Jalan Besar, Arau digunakan oleh Jabatan Zakat dan Fitrah Negeri untuk dijadikan sekolah tersebut.

Semasa pelajar-pelajar sulung itu sedang belajar di bangunan sementara kerja-kerja membina bangunan sekolah yang kekal, tidak jauh daripada Istana Arau giat dijalankan. Akhirnya bangunan baru sekolah berkenaan siap dibina dan dirasmikan pembukaannya oleh Almarhum Raja Syed Alwi tahun 1937 dengan dinamakan Al-Madrasah Al-Alawiyah Addiniyah Arau, mengambil sempena nama Raja Syed Alwi.

Guru Besar pertama bertugas semasa sekolah tersebut di bangunan sementara ialah Allahyarham Sheikh Mahmud Mohd. Saman, bekas Mufti Negeri Perlis yang pertama. Selepas bangunan kekal siap, dan para pelajar berpindah ke situ, pihak Lembaga Zakat Negeri mengambil seorang Guru Besar daripada Mesir bernama Ustaz Abdul Hamid Mustafa Assisi.

Kumpulan pelajar pertama sekolah itu hanya 74 orang sahaja. Mereka terdiri daripada murid lepasan Darjah Enam di Sekolah-sekolah Umum ketika itu. Semua pelajar lelaki sahaja.

Peringkat permulaan, pelajar-pelajar itu belajar di Kelas Tahziri atau kelas Perseediaan Iptidai selama empat tahun, dan selepas itu belajar di Kelas Qismul Muallimin selama dua tahun, untuk berlatih menjadi Guru Agama Islam. Semua pengajaran menggunakan Bahasa Arab.

Bagi mereka yang tamat pengajian peringkat Qismul Muallimin dan tidak menjadi Guru Agama, melanjutkan ke Universiti Al-Azhar atau universiti-universiti lain di Mesir.

Pihak Lembaga Zakat menetapkan, se-saorang yang hendak menjadi Guru Besar di sekolah tersebut mentiliah berkelulusan Kuliah Darul-Ulum, iaitu kursus mengenai perguruan di Mesir. Seminggu selepas meletus Peperangan Dunia Kedua dan Jepun

menakluki Tanah Melayu, Ustaz Ahdul Hamid Mustafa Assisi kembali ke Mesir. Sejak dari itu terputus sudah hubungannya.

Selepas itu, pihak Lembaga Zakat Negeri melantik Allahyarham Ustaz Haji Salleh Osman sebagai Pemangku Guru Besar. Beliau juga seorang lepasan Darul-Ulum di Mesir. Ustaz Haji Salleh menjadi Pemangku Guru Besar hingga tahun 1951 apabila kemudiannya seorang lagi rakyat Mesir dibawa ke Perlis untuk menjadi Guru Besar di situ, bernama Ustaz Abdul Haq Jaazar. Beliau memegang tugasnya selama tiga tahun.

Apabila Ustaz Abdul Haq kembali ke Mesir, jawatan Guru Besar di pegang pula oleh Ustaz Thaqiyuddin Qandil, juga seorang rakyat Mesir selama empat tahun. Kini beliau menetap di Kuala Lumpur. Tempatnya diganti oleh Ustaz Abdul Bhar Attul Allah, juga selama empat tahun. Kemudian kembali ke Mesir pada tahun 1960.

Bermula tahun tersebut, Al-Madrasah Al-Alawiyah Addiniyah Arau tidak lagi mengambil Guru Besar daripada rakyat Mesir. Seorang anak tempatan yang juga berkelulusan dari Mesir, Ustaz Syed Hassan Syed Muhammad diberi tugas memangku jawatan Guru Besar hingga tahun 1964. Bermula tahun 1964, beliau kemudian dilantik sebagai anak Melayu pertama menjadi Guru Besar di situ.

Ustaz Syed Hassan yang kini menjadi Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Perlis memegang jawatan Guru Besar di sekolah berkenaan hingga tahun 1974, apabila beliau mengambil keputusan meletak jawatan untuk bertanding mewakili Barisan Nasional dalam kawasan Parlimen Arau semasa pilihanraya umum diadakan.

Selepas itu, jawatan Guru Besar dipegang oleh Encik Abdullah Kasir sebagai Pemangku Guru Besar hinggalah apabila sekolah berkenaan diserahkan kepada Kementerian Pendidikan tahun 1975 untuk dijadikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Lelaki.

Bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan tidak boleh memiliki bangunan sekolah tersebut kerana ia merupakan milik atau harta zakat. Bangunan itu kemudian diserahkan kembali kepada pihak Jabatan Zakat dan Fitrah Negeri, sementara Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Lelaki Arau dipindahkan ke satu tapak baru tidak jauh daripada sekolah berkenaan.

Apabila Yayasan Islam Negeri Perlis ditubuhkan dua tahun lalu, Al-Madrasah Al-Alawiyah Addiniyah Arau dihidupkan semula sebagaimana peranannya yang asal. Pihak yayasan membuka kelas pengajian Bahasa Arab di sekolah itu. Sebuah bangunan baru tiga tingkat dibina. Keseluruhannya pihak yayasan membelanjakan wang sebanyak \$1.2 juta bagi membina bangunan baru, mengubahsuai bangunan lama termasuk asrama dan kantin serta dewan makan.

Pada masa sekarang terdapat seramai 101 pelajar sedang belajar di madrasah tersebut dua kelas dalam Tingkatan Satu dan dua kelas lagi dalam Tingkatan Peralihan. Sama seperti asal, madrasah itu memberi peluang belajar kepada 80 peratus anak Perlis dan 20 peratus lagi untuk anak-anak dari luar Perlis. Diantara pelajar dari luar Perlis yang sedang belajar sekarang termasuk dari Kedah, Melaka, Selangor Darul

Ehsan dan Pahang Darul Makmur. Sembilan orang guru termasuk seorang Guru Besar sedang bertugas di situ di bawah pemberian gaji Yayasan Islam Negeri Perlis.

Apa yang diharapkan oleh kerajaan, dengan dihidupkan semula sekolah atau Al-Madrasah tersebut, akan lahir lebih ramai bakat-bakat muda dalam bidang agama negeri ini, sebagaimana kejayaan yang capai pada mula kewujudannya dahulu.

Diantara bekas pelajar Al-Madrasah Al-Alawiyah Addiniyah Arau yang berjaya termasuk Profesor Dr. Harun Din dan adiknya Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz. Bekas pelajar lain yang menjadi pensyarah universiti ialah ustaz Ibrahim Yasin, Allahyarham Abdul Kadir Ismail, Allahyarham Ramli Ismail, Dr. Aziz Hanafi dan Ustaz Mahmud Abdul.

Disamping itu, terdapat ramai juga bekas pelajar madrasah berkenaan sedang dan pernah menjadi Wakil Rakyat, samada Ahli Dewan Undangan Negeri atau pun Ahli Parlimen. Diantara mereka termasuk Ustaz Syed Hassan sendiri, Encik Ahmad Haji Osman, Haji Ahmad Said, Haji Shaari Jusoh, Encik Abu Bakar Haji Ahmad, Syed Ahmad Syed Alwi, Encik Khazim Abu Bakar, Syed Omar Syed Hussain, Encik Talib Haji Ali dan Datuk Haji Wan Ahmad Wan Abdullah.

Mereka yang lain termasuk bekas mufti negeri, Haji Abdul Rahman Ismail yang merupakan pelajar sulung, bekas Nazir Agama Angkatan Tentera Malaysia, Syed Sahil Syed Muhammad, bekas mubalig Perlis, Ustaz Nordin Ismail dan pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Ismail Hamid serta Dr. Aziz Hanapi.




Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamad.  
Anak Melayu Pertama Menjadi Guru Besar  
Al-Madrasah Al-Alawiyah Addiniyah Arau.

*Jurnal Warisan Indera Kayangan Bil 2 - 1990*



Bangunan baru Al-Madrasah Al Alawiyah Addiniyah Arau yang dibina oleh Yayasan Islam Negeri Perlis.



Bangunan asal Al Madrasah Al Alawiyah Addiniyah Arau